



**PERBADANAN LABUAN**

Wisma Perbadanan Labuan  
Peti Surat 81245  
87022 Wilayah Persekutuan Labuan

**SIARAN  
MEDIA**

## **HARI CUCI MALAYSIA DAN GOTONG ROYONG PERDANA PERINGKAT WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN TAHUN 2025**

**LABUAN, 27 September 2025** – Program Hari Cuci Malaysia dan Gotong-Royong Perdana Peringkat Wilayah Persekutuan Labuan yang melibatkan penyertaan 27 buah kampung, termasuk Kampung Lajau sebagai lokasi utama pelancaran, telah berjaya dilaksanakan dengan jayanya pada hari ini.

Program yang dikelola oleh Jabatan Perkhidmatan Perbandaran, Perbadanan Labuan (PL) dan Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) Kampung Lajau ini merupakan sebahagian daripada inisiatif untuk memperkukuh budaya kebersihan dan semangat gotong-royong dalam kalangan komuniti tempatan.

Majlis pelancaran telah disempurnakan oleh Ketua Pegawai Eksekutif PL, YBrs. Encik Mohd Sukuran bin Taib dengan kehadiran Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Perbandaran) PL, Encik Ibrahim bin Tambi; Ketua Kampung Lajau, Encik Mohamad bin Haji Jakop; pegawai-pegawai kanan PL, rakan-rakan media, sukarelawan, serta masyarakat setempat.

Hari Cuci Malaysia merupakan program tahunan yang disambut pada hari Sabtu minggu terakhir bulan September dan diterajui oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Sambutan tahun ini yang jatuh pada 27 September 2025 diadakan serentak di seluruh negara bersempena World Cleanup Day. Di Labuan, aktiviti gotong-royong turut dijalankan secara menyeluruh di seluruh kampung, dengan fokus kepada pembersihan kawasan awam, jalan-jalan utama, longkang, parit, dan kawasan tumpuan komuniti.

Program ini bukan sahaja memupuk kesedaran sivik terhadap kebersihan, malah memperkukuh penyertaan masyarakat dalam menjayakan visi Wilayah Persekutuan melalui Pelan Hala Tuju CHASE CITY, khususnya komponen Clean City (Bandar Bersih). Pelaksanaan Kempen Bersih Setiap Tempat (BeST) yang diperkenalkan awal tahun ini turut diterapkan dalam program hari ini, bagi memastikan kebersihan dijadikan sebagai budaya berterusan dan bukan hanya sekadar kempen bermusim.

Selain itu, program gotong-royong ini juga merupakan sebahagian daripada usaha PL dalam mempertingkatkan imej bandar menjelang penganjuran Borneo Arts Festival 2025 yang akan berlangsung pada 13 hingga 17 November akan datang. Festival ini dijangka menarik kehadiran pelancong dari dalam dan luar negara, susulan kejayaan Borneo Flora Festival 2025 yang sebelum ini mencatatkan kehadiran lebih 120,000 pengunjung.

Dengan pelaksanaan program pembersihan dan gotong-royong seperti ini, Labuan yang dikenali sebagai Mutiara Borneo diharap dapat mengekalkan imejnya sebagai sebuah wilayah yang bersih, indah dan lestari.

**Dikeluarkan oleh:**

**Jabatan Hal Ehwal Korporat**

**Perbadanan Labuan**

**27 September 2025**



[www.pl.gov.my](http://www.pl.gov.my)



[/PerbadananLabuan](https://www.facebook.com/PerbadananLabuan)



[@LabuanCorp](https://twitter.com/LabuanCorp)



[@PerbadananLabuan](https://www.instagram.com/PerbadananLabuan)



[/PerbadananLabuan](https://www.telegram.com/PerbadananLabuan)